



PEJABAT DAERAH DAN TANAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG
KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04 - 7029177

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap di Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu

JAWATAN / GRED	PEMBANTU AWAM GRED H11
----------------	------------------------

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	2 (DUA)
NO. FAIL	:	PDBB : 548 / 6 JLD. 2
JADUAL GAJI	:	

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (COLA).

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- Warganegara Malaysia;
- Terbuka kepada **Lelaki** sahaja;
- Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- d) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan pada Gred H11 : RM 1,218.00)
- e) Lulus ujian kecergasan yang dilakukan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- i) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(c) (i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- ii) Bagi skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan 'kepujian' dalam mata pelajaran tertentu seperti **Bahasa Melayu** atau **Pengetahuan Agama Islam** atau seumpamanya di peringkat SRP, calon-calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya **Peringkat 'C'** dalam mata pelajaran berkenaan di Peringkat PMR / PT3.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja bagi memastikan urusan berkaitan berjalan dengan lancar.

Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN

Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun dan perlu mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu, Kedah yang boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu, Serdang, Kedah Darul Aman atau boleh dimuat turun di laman sesawang melalui pautan URL : <https://webpdt.kedah.gov.my> atau melalui laman facebook jabatan : <https://www.facebook.com/pdtbbserdang>.
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :
 - (a) Salinan Kad Pengenalan;
 - (b) Salinan Sijil Kelahiran;
 - (c) Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
 - (d) Salinan Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)
** Mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;*
 - (e) Salinan Lesen Memandu
 - (f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport; dan
 - (g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan I yang diberi kuasa / Penghulu / Pengerusi / JKKK yang mempunyai cop rasmi jawatan.
4. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2019, 2020 dan 2021 dan dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing.
5. Pemohon daripada anggota berjawatan tetap di gred yang sama dan sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Persekutuan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak dipertimbangkan.
6. Borang Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon.

Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan :

**PEGAWAI DAERAH BANDAR BAHARU
PEJABAT DAERAH DAN TANAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG
KEDAH DARUL AMAN
(U.P. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 MEI 2022

CATATAN AM :

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan di panggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Salinan fotostat Borang Permohonan adalah tidak diterima.
4. Pihak pentadbiran ini tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.